

# Identiti Shah Alam ke

Oleh Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Rabu – Kerajaan negeri akan terus mengekalkan identiti Shah Alam sebagai 'Bandar Raya Melayu' sekali gus menjadi mercu tanda yang melambangkan kejayaan dan kecemerlangan orang Melayu di negara ini, khususnya Selangor.

Menteri Besar, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo, berkata selain mengekalkan identiti Shah Alam sebagai bandar taman yang terancang, kerajaan negeri akan terus memastikan komposisi 70 peratus penduduk di bandar raya itu orang Melayu.

Beliau berkata, selain reka bentuk pembangunan yang beridentitikan Melayu, kerajaan negeri merancang identiti baru untuk Shah Alam seperti kemudahan awam yang menggunakan kereta Kenari dan sistem monorel.

"Seharusnya kita bangga dengan pengisytiharan Shah Alam sebagai bandar raya pertama di Selangor selain menjadi sebuah 'Bandar Raya Melayu' yang mengekalkan ciri-ciri masyarakat Melayu sebagai penduduk majoriti.

"Bagaimanapun, ini bukan bermakna kaum lain

## Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan berkuat kuasa 10 Oktober

tidak boleh menetap di Shah Alam sebaliknya mereka juga boleh berkongsi kejayaan dengan orang Melayu di sini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Perisytiharan Shah Alam sebagai bandar raya yang berlangsung di Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA) di sini, hari ini.

Berikutan perisytiharan itu, status MPSA dinaikkan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berkuat kuasa 10 Oktober depan.

Pada majlis itu, Dr Mohamad Khir turut melancarkan logo, bendera dan lagu rasmi bagi MBSA manakala sambutan meriah dan penuh warna-warni di Ambang Bandaraya Shah Alam akan berlangsung di Dataran Shah Alam mulai jam 9 malam hingga 12 tengah malam, 9 Oktober ini.

Dr Mohamad Khir berkata, antara kriteria yang menyokong Shah Alam dijadikan bandar raya ialah kedudukannya sebagai ibu negeri yang menjadi

pusat pentadbiran Selangor dengan kepadatan penduduk melebihi 400,000 orang dan hasil perolehan melebihi RM100 juta.

Beliau berkata, kerajaan negeri memohon status Majlis Bandaraya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas mendapati Shah Alam sudah memenuhi kriteria yang disyaratkan sebagai sebuah bandar raya.

"Walaupun bukan berstatus Dewan Bandaraya, ia sama saja kerana kita mahu Shah Alam mempunyai identiti baru sebagai Majlis Bandaraya pertama di negara ini," katanya mengulas kedudukan Shah Alam yang bergelar Majlis Bandaraya berbanding Kuala Lumpur, Penang, Ipoh, Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bharu yang berstatus Dewan Bandaraya.

Dalam pada itu, beliau berkata walaupun sudah memiliki status bandar raya ia tidak bermakna kerajaan negeri akan membenarkan sebarang premis

hiburan beroperasi di Shah Alam.

"Kita tidak perlukan pusat hiburan seperti disko, kelab malam dan pub semata-mata untuk menarik orang ramai datang ke Shah Alam.

"Apa yang kita mahu ialah orang datang ke Shah Alam kerana keutuhan dan identitinya yang tersendiri," katanya.

Mengenai kemungkinan mewujudkan bandar raya kedua di Selangor, Dr Mohammad Khir berkata, langkah itu agak sukar dilakukan kerana bandar yang sedia ada seperti Petaling Jaya dan Klang adalah bandar yang wujud sekian lama.

"Tidak seperti Shah Alam yang baru 21 tahun diwujudkan, bandar lain sudah ada sekian lama menyebabkan pembangunannya tidak dirancang dengan baik dan agak sukar merancang semula seperti Shah Alam.

"Jika hendak diwujudkan bandar raya kedua pun mungkin kita boleh membuka kawasan baru seperti Bandar Baru Bangi dan merancang pembangunannya dengan teliti mengamal model pembangunan di Shah Alam," katanya.